

*Tarikh Dibaca: 15 Julai 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“VAKSIN; PENCEGAHAN DEMI  
KEMASLAHATAN”***

***\*\*\****

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdulllah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## “VAKSIN; PENCEGAHAN DEMI KEMASLAHATAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا  
بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Al-Baqarah ; 195



## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kewujudan kita di atas muka bumi milik Allah SWT ini, ialah untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai khalifah-Nya. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah secara istiqamah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Menyeru kepada perkara-perkara yang membawa kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran. Semoga dengan meningkatnya keimanan dan ketaqwaan itu, akan menjadi nilai tambah kepada diri kita untuk menjadi mukmin sejati.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk:  
**"VAKSIN; PENCEGAHAN DEMI KEMASLAHATAN"**

## **Hadirin Jumaat yang berbahagia,**

Kehidupan berkualiti menjadi matlamat bagi setiap manusia. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian untuk menjamin kehidupan berkualiti, ialah aspek kesihatan yang merupakan nikmat yang sangat bernilai daripada Allah SWT. Tanpa kesihatan yang baik, kita tidak mampu menjalankan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di atas muka bumi ini.

Nikmat sihat yang diberi perlulah disyukuri dan dijaga sebaiknya, supaya kita boleh terus beribadah. Kita dituntut mengamalkan gaya hidup secara sihat sebagaimana yang telah diajar Rasulullah SAW. Kita juga hendaklah berhati-hati supaya dapat mencegah segala bentuk penyakit yang berpunca daripada pemakanan, persekitaran, emosi serta tidak mencampakkan diri dalam kebinasaan.



### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Baru-baru ini negara telah dikejutkan dengan wabak penyakit berjangkit iaitu difteria yang telah meragut 2 nyawa kanak-kanak di negeri Melaka dan Kedah. Akhbar melaporkan sehingga 30 Jun 2016, sebanyak 13 kes difteria diseluruh negara dengan 5 kematian direkodkan melibatkan kanak-kanak, disamping peningkatan wabak demam campak sebanyak 873 kes. Ujian perubatan mendapati mangsa tidak menerima imunisasi difteria yang lengkap dan meninggal dunia kerana komplikasi jangkitan. Di negeri Selangor pula, sebanyak 23 kes demam campak dilaporkan pada tahun 2014, telah meningkat kepada 498 kes pada tahun 2015, manakala 403 kes dilaporkan pada suku pertama tahun 2016.

Walaupun di Selangor tiada kes difteria yang dilaporkan, tetapi masyarakat berisiko tinggi untuk dijangkiti virus tersebut. Laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memaklumkan terdapat segelintir masyarakat di negeri ini yang menolak pemberian vaksin kepada anak-anak mereka.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam konteks penjagaan kesihatan, antara aspek penting yang dianjurkan oleh Islam ialah meletakkan prinsip pencegahan lebih baik daripada mengubati. Islam menegah segala perkara yang membawa kemudharatan kepada seseorang dengan menutup dan menyekat segala ruang yang boleh memudaratkan dan membinasakannya sebagaimana ianya bertepatan dengan "دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ" yang bermaksud "menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan".



Penggunaan vaksin dalam imunisasi merupakan pencegahan yang boleh mengelakkan penyakit berjangkit seperti campak, tibi, batuk kokol, difteria, tetanus dan polio. Apa yang meragukan masyarakat ialah sumber serta status halal vaksin tersebut!. Pada dasarnya Islam melarang penggunaan ubat daripada sumber yang haram berdasarkan hadis daripada Abu Darda' RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ  
دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

*"Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara) yang haram".*

*(Riwayat Abu Daud).*

Walau bagaimanapun, sekiranya tidak menemui ubat dari sumber yang halal, sedangkan sesuatu penyakit itu perlu dicegah demi memelihara nyawa manusia, maka diharuskan penggunaannya mengikut kadar yang diperlukan sahaja. Ini menepati kaedah fiqh iaitu "الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ" yang bermaksud "keadaan-keadaan dharurat itu mengharuskan perkara yang dilarang".

Kaedah Fiqh ini bersumberkan dengan Nas al-Quran melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 173;



... فَمَنْ أَضْطُرُّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ

اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*"...maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".*

### **Hadirin yang dikasihi Allah SWT,**

Menurut Dr. Wahbah Zuhaili, dharurat berlaku ke atas seseorang satu keadaan yang bahaya atau kesusahan yang sangat berat, yang mana dibimbangi berlakunya kemudharatan atau kesakitan terhadap jiwa, anggota, maruah, akal atau harta. Pada ketika itu diharuskan melakukan yang haram atau meninggalkan yang wajib atau melewatkan daripada waktunya, demi menolak kemudharatan daripada berlaku.

Perbincangan mengenai vaksin dalam imunisasi telah dibincangkan sejak tahun 1989 lagi di mana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengharuskan penggunaannya. Keharusan ini berdasarkan kaedah fiqh yang telah dinyatakan sebelum ini.

Program imunisasi melalui vaksin yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bertepatan dengan tuntutan syariat Islam yang meletakkan penjagaan nyawa (*hifz an-nafs*) ke atas umatnya sebagai matlamat utama. Lantaran itu, Islam mengharamkan segala bentuk perbuatan yang boleh menyebabkan kesihatan dan nyawa berada dalam kebinasaan.



Justeru, khatib ingin menasihatkan umat Islam agar tidak membuat andaian secara terburu-buru dengan menyebarkan maklumat yang belum dipastikan kesahihannya kerana perkara tersebut boleh menimbulkan fitnah serta keraguan kepada orang lain. Rujuklah kepada mereka yang ahli dalam bidang berkenaan. Ibumama pula tidak perlu gusar dan ragu-ragu kerana perkara ini telah dikaji dan dibincang dengan teliti oleh golongan pakar dan profesional dalam bidang perubatan dan hukum syara'.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 43;

﴿٤٣﴾ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"...Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui."

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Langkah Kementerian Kesihatan Malaysia memberikan imunisasi vaksin secara percuma menepati kaedah fiqh iaitu "*Tindakan pemerintah kepada rakyatnya adalah berasaskan kemaslahatan*". Manakala tindakan ibu bapa yang sengaja menolak pemberian vaksin sebagai langkah pencegahan, telah meletakkan anak-anak dalam situasi berisiko tinggi yang boleh membawa kepada kemudharatan.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah minggu ini, mimbar Jumaat ingin menegaskan bahawa;





1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa sakit dan sihat adalah datangnya daripada Allah SWT. Walaubagaimanapun manusia wajib berusaha dan berdoa untuk mendapatkan yang terbaik.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berdoa dan berusaha untuk mengelakkan segala musibah. Namun jika berlaku juga musibah tersebut maka hendaklah menerimanya dengan sabar dan redha.
3. Oleh kerana pengambilan vaksin ini diharuskan dalam Islam, maka ibubapa perlu mengambil vaksin untuk anak-anak sebagai langkah pencegahan daripada penyakit berjangkit dan komplikasi.
4. Umat Islam hendaklah merujuk dan bertanya kepada pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat yang tepat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا  
رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ

*"Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulung kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya".*

*(Fussilat ; 46).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



Dengan itu kita mengutuk perbuatan pengeboman diri yang berlaku di Tanah Suci Madinah al-Munawwarah yang dilakukan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita juga mengutuk segala bentuk keganasan yang berlaku di mana-mana sahaja terhadap sesame umat manusia tidak kira bangsa dan agama. Umat Islam hendaklah berwaspada terhadap anasir-anasir tertentu yang meracuni dan mempengaruhi para pelajar untuk melakukan perbuatan ganas di mana-mana sahaja terutama di tempat-tempat suci agama.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ بِكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،



وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَىٰ وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَىٰ  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاعُورَ، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاعُورَ، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur  
kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,



sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ



اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.